



HARUN menandatangani plak mini zoo PPIB sementara yang lain menyaksikan.

'Mini Zoo UMS ceria persekitaran kampus'

DE 01-08-2012 7

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah pada Isnin lalu merasmikan Mini Zoo Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) sebagai habitat pelbagai spesies haiwan kecil bagi melengkapkan laman ceria yang siap dibina setahun lalu.

Dr Mohd Harun ketika meninjau persekitaran habitat kecil itu menyifatkan kewujudan pelbagai haiwan di tempat berkenaan akan lebih menceriaikan lagi persekitaran kampus sebagai pusat menuntut ilmu.

"Kita memerlukan suasana harmoni untuk merangsang langkah maju ke hadapan dan cemerlang," kata beliau dan berharap warga kampus dapat menerapkan konsep Inovatif, Relevan dan Lestari

dalam meningkatkan kualiti kerja ke arah penjaanaan kecemerlangan UMS.

Turut hadir Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said, Dekan PPIB, Lt. Kol (PA) Prof. Madya Dr Ismail Ali, timbalan dekan, Dr Anantha Raman Govindasamy dan Wardatul Akmam Din serta staf akademik dan pentadbiran PPIB.

Dalam taklimatnya di lokasi, Dr Ismail memberitahu laman ceria itu turut menempatkan padang mini golf, gelanggang bola tampar dan sepak takraw yang boleh digunakan oleh warga kampus selepas waktu bekerja.

Dr Mohd Harun seterusnya meninjau keadaan bangunan PPIB yang sebahagianya memerlukan pembaikan dan renovasi.